

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(X)14**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN  
YB. GOH CHOON AIK**

14. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membangunkan Pulau Aman?
- (a) Agensi yang bertanggungjawab menjaga kebersihan pulau, infrastruktur, jeti, chalet dan kebajikan nelayan?
  - (b) Adakah kerajaan berhasrat membangunkan perkhidmatan *water taxi* antara jeti-jeti persisiran pantai dan pulau-pulau?

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

14. Kerajaan Negeri amat mengalu-alukan sebarang cadangan pembangunan di Pulau Aman dalam mengekalkan ia sebagai satu perkampungan nelayan dan sebagai produk pelancongan Warisan Kebudayaan berunsur sejarah.
- (a) Agensi yang bertanggungjawab menjaga kebersihan pulau, infrastruktur, jeti, chalet dan kebajikan nelayan adalah seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>Jabatan/ Agensi</b>
1	Menjaga kebersihan pulau	Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)
2	Infrastruktur awam seperti Dewan Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) dan gerai	Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan (PDTSPS)
3	Jeti dan kebajikan nelayan	Jabatan Perikanan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)
4	Chalet	Peruntukan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM)

- (b) Kerajaan Negeri sememangnya berhasrat untuk membangunkan perkhidmatan *water taxi* antara jeti-jeti persisiran pantai dan pulau-pulau. Rancangan untuk mewujudkan perkhidmatan ini juga merupakan salah satu cadangan yang dikemukakan dalam Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, beberapa kajian terperinci perlu dijalankan terlebih dahulu bagi mengenal pasti keperluan serta permintaan terhadap perkhidmatan ini.